

- 14.7.2 Untuk pelaksanaan kerja Subkontrak Dinamakan, Kontraktor berkenaan mesti mengeluarkan Perintah Rasmi kepada Subkontraktor Dinamakan untuk memulakan Kerja dengan menggunakan borang JKR 203N5 Pind.2007. Subkontraktor Dinamakan mesti melaksanakan Kerja dalam tempoh yang ditender olehnya bermula dari tarikh Perintah Rasmi diterima. Tarikh Siap dikira dari tarikh permulaan kerja oleh Subkontraktor Dinamakan.
- 14.7.3 Untuk Pembekal Dinamakan, Kontraktor boleh memesan barang atau bahan yang diperlukan dengan menggunakan borang 203P5 Pind. 2007 dan borang JKR 203P5A Pind. 2007 dari semasa ke semasa. Pembekal Dinamakan mesti memulakan bekalan barang-barang atau bahan-bahan untuk tiap-tiap perintah dalam jangkamasa tempoh yang ditendernya dari tarikh penerimaan perintah daripada Kontraktor. Tarikh penyiapan bagi membekal untuk tiap-tiap arahan dikira dari tarikh permulaan pembekalan oleh Pembekal Dinamakan.

14.8 Tanggungjawab Kontraktor Ke atas Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan

- 14.8.1 Meskipun bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan dibayar terus kepada mereka oleh Kerajaan, namun Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbuatan, kemungkinan atau pelanggaran mana-mana peruntukan kontrak oleh Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan di antara Kerajaan dengan Kontraktor. Ini adalah kerana wujudnya satu ikatan kontrak di antara Kontraktor dengan Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan. Tambahan pula, menurut peruntukan kontrak, apa-apa bayaran yang dibuat secara terus kepada Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan adalah dibuat oleh Kerajaan bagi pihak Kontraktor.
- 14.8.2 Jika Subkontraktor atau Pembekal Dinamakan mungkir dalam pelaksanaan kerja atau pembekalan barang-barang atau bahan-bahan di bawah subkontrak, adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk melaksanakan kerja atau barang-barang atau bahan-bahan dibekalkan dengan apa cara yang perlu sekalipun. Kontraktor hanya berhak dibayar dengan jumlah yang sama seolah-olah Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan tidak mungkir dalam melaksanakan kerja atau membekalkan barang-barang atau bahan-bahan itu.